

## 2.1. PENDAHULUAN

Agama memberi kesan yang sangat hebat terhadap jiwa manusia, bahkan juga merupakan santapan terbaik untuk kalbu manusia yang menjalani kehidupan di muka bumi ini. Sebagai khalifah yang dipilih untuk memimpin seisi alam, maka manusia memerlukan agama yang benar sebagai pegangan bagi melaksanakan ibadah yang diperintahkan oleh Allah s.w.t. Kebenaran agama Allah ini telah disampaikan oleh para Rasul bermula dari Nabi Adam sehinggalah Nabi Muhammad s.a.w. dengan membawa agama yang lengkap dan sempurna iaitu Islam. Sebagaimana Firman Allah di dalam al-Qur'an:

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ وَمَا اخْتَلَفَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ إِلَّا مِنْ بَعْدِ  
مَا جَاءَهُمُ الْعِلْمُ بَعْيًا بَيْنَهُمْ وَمَنْ يَكْفُرْ بِآيَاتِ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ  
الْحِسَابِ

*Sesungguhnya agama (yang benar dan diredhai) disisi Allah ialah Islam. Dan orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberikan Kitab itu tidak berselisih (mengenai agama islam dan enggan menerimanya) melainkan setelah sampai kepada mereka pengetahuan yang sah tentang kebenarannya; (perselisihan itu pula) semata-mata kerana hasad dengki yang ada dalam kalangan mereka. Dan (ingatlah), sesiapa yang kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Allah. Maka sesungguhnya Allah amat segera hitungan hisabNya.*

*Surah Ali-Imran(3):19<sup>54</sup>*

---

<sup>54</sup> *Al-Qur'an: Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian Al-Qur'an*, (Kuala Lumpur: Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri Malaysia, 1994), 99.

Bab ini akan menghuraikan tentang pemelukan Islam salah seorang pasangan perkahwinan sivil di Malaysia. Beberapa perkara penting yang menyentuh tentang kebebasan beragama dan juga status perkahwinan akan dibincangkan secara terperinci.

## **2.2. KEBEBASAN BERAGAMA**

Dalam membicarakan isu pemelukan agama Islam di Malaysia, perbincangan berkenaan dengan kebebasan beragama perlu dikupas terlebih dahulu. Senario semasa menunjukkan bahawa isu ini mencetuskan kontroversi dikalangan masyarakat yang berbilang agama. Semua pihak cuba untuk merungkai permasalahan ini dan mencari penyelesaian supaya ia tidak mengancam keharmonian kehidupan masyarakat.

Oleh itu, penilaian pertama dalam bab ini akan mengukur aplikasi konsep kebebasan beragama di Malaysia berdasarkan kepada tiga perspektif iaitu undang-undang Islam, undang-undang Malaysia dan juga undang-undang antarabangsa. Kupasan terhadap ketiga-tiga perspektif ini adalah bertujuan untuk membuat perbandingan mengenai konsep kebebasan beragama dan juga untuk mendapatkan satu kesimpulan yang terbaik mengenai konsep kebebasan beragama di Malaysia.

## 2.2.1 Perspektif Undang-Undang Islam

Secara umumnya kebebasan beragama bermaksud hak pengikut sesuatu agama untuk melaksanakan tanggungjawab agama seperti yang ditentukan oleh agamanya.<sup>55</sup> Islam menjelaskan bahawa setiap individu mempunyai hak kebebasan beragama, mengamalkan dan beribadat mengikut agama yang dianutinya.<sup>56</sup> Ini dijelaskan dalam al-Qur'ān seperti berikut:

وَقُلِ الْحَقُّ مِن رَّبِّكُمْ فَمَن شَاءَ فَلْيُؤْمِن وَمَن شَاءَ فَلْيُكْفُرْ...

*Dan katakanlah (wahai Muhammad): Kebenaran itu ialah yang datang dari Tuhan kamu, maka sesiapa yang mahu beriman, hendaklah ia beriman; dan sesiapa yang mahu kufur ingkar, biarlah dia mengingkarinya...*

*Surah Al-Kahfi(18): 29<sup>57</sup>*

Al-Qur'ān juga secara terang menekankan bahawa seseorang itu tidak boleh dipaksa untuk menganuti agama atau kepercayaan yang berlawanan dengan kehendaknya seperti firman Allah:

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ فَمَن يَكْفُرْ بِالطَّاغُوتِ  
وَيُؤْمِن بِاللَّهِ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَىٰ لَا انْفِصَامَ لَهَا وَاللَّهُ سَمِيعٌ  
عَلِيمٌ

*Tidak ada paksaan dalam agama (Islam), kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur). Oleh itu, sesiapa yang tidak percayakan Taghut, dan ia pula beriman kepada Allah maka*

<sup>55</sup> Dr. ABM. Mahbulul Islam, *Freedom of Religion in Shari'ah: A Comparative Analysis*, (Kuala Lumpur: Percetakan Zafar Sdn. Bhd., 2002), 104.

<sup>56</sup> Mohamed Azam Mohamed Adil, "Hak Tukar Agama dalam Perlembagaan: Konflik Kebebasan Beragama dan Hukum Islam", *Jurnal Syariah*, jil. 11:1 (2003): 27.

<sup>57</sup> *Al-Qur'ān: Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian Al-Qur'ān*, (Kuala Lumpur: Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri Malaysia, 1994), 591.

*sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali agama) yang teguh, yang tidak akan putus. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar lagi amat Mengetahui.*

*Surah Al-Baqarah(2): 256<sup>58</sup>*

Dalam mentafsirkan ayat ini, Imam Al-Qurtubī menjelaskan dengan terperinci perbahasan ulama, dengan membahagikannya kepada enam pendapat. Pendapat pertama adalah daripada riwayat *Ibn Mas'ūd* dan ramai ahli tafsir yang lain dengan mengatakan bahawa ayat ini adalah *mansūkh* yang bermaksud dibatalkan. Ini kerana Nabi Muhammad *s.a.w* telah memaksa orang Arab untuk memeluk Islam dan memerangi mereka serta baginda tidak redha kepada mereka sehinggalah mereka memeluk Islam. *Sulāiman bin Mūsā* berkata bahawa ayat ini dibatalkan (*nasakh*) dengan ayat 73 surah At-Taubah iaitu:

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ جَاهِدِ الْكُفَّارَ وَالْمُنَافِقِينَ وَاغْلُظْ عَلَيْهِمْ وَمَأْوَاهُمْ جَهَنَّمُ  
وَبئسَ الْمَصِيرُ

*Wahai Nabi! Berjihadlah menentang orang-orang kafir dan orang-orang munafik, serta bertindak keras terhadap mereka. Dan (sebenarnya) tempat mereka ialah neraka jahanam, dan itulah seburuk-buruk tempat kembali.*

*Surah At-Taubah(9): 73<sup>59</sup>*

Manakala, pandangan kedua pula menyatakan bahawa ayat ini tidak dibatalkan (*mansukh*), namun ia hanya ditujukan kepada golongan *ahli kitab* sahaja. Mereka tidak dipaksa memeluk Islam selama mereka masih membayar *jizyah*. Adapun yang dipaksa adalah kaum *kuffār* iaitu golongan penyembah berhala, seperti yang dimaksudkan

<sup>58</sup> *Al-Qur'an: Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian Al-Qur'an*, (Kuala Lumpur: Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri Malaysia, 1994), 82.

<sup>59</sup> *Ibid.*, 360.

dengan ayat 73 surah At-Taubah. Pandangan ini adalah daripada *As-Sha'bi*, *Qatadah*, *Al-Hassan* dan *Ad-Dahak*.

Pandangan yang ketiga ialah daripada pendapat *Sa'id bin Jubair*, *As-Sha'bi* dan *Mujahid* berdasarkan riwayat *Abū Dāwud* dari Ibn 'Abbās, beliau berkata bahawa ayat ini diturunkan kepada kaum Anṣār. Ketika itu terdapat seorang wanita yang selama hidupnya tidak mempunyai anak dan dia berjanji dengan dirinya sekiranya dia mempunyai anak, maka anak tersebut akan dijadikan sebagai seorang Yahudi. Sampai satu ketika maka datanglah Banī Nādir yang juga membawa beberapa orang anak dari kaum Anṣār bersama mereka. Kaum Anṣār berkata, “Kemudian terjadilah apa yang telah terjadi. Ketika itu kami (kaum Anṣār) memandang agama yang mereka bawa (Yahudi) lebih baik. Namun ketika kami memeluk Islam, kami ingin memaksa anak-anak kami”. Kemudiannya ayat ini diturunkan oleh Allah *Ta'ala*.

Pandangan yang keempat adalah daripada pendapat *As-Sūdī*, bahawa ayat ini diturunkan kepada seorang lelaki Anṣār yang bernama Abū Hussain yang mempunyai dua orang anak. Ketika itu para pedagang dari Syam datang kepada beliau dengan membawa biji-bijian dan ketika melangkah pergi dari Madinah mereka mengajak dua orang anak Abu Hussain untuk memeluk agama Nasrani. Kemudian, kedua anak itu, menganuti agama Nasrani serta mengikut para pedagang tersebut ke Shām. Maka Abū Hussain datang bertemu dengan Rasulullah *s.a.w* sambil menangis dan memohon kepada Rasulullah agar mengutus seseorang untuk membawa pulang kedua-dua anaknya. Oleh yang demikian, inilah sebab ayat ini diturunkan oleh Allah.

Pendapat yang kelima pula mengatakan bahawa maksud ayat ini adalah dipakai untuk orang yang telah kalah berperang tetapi tidak lah boleh mengatakan bahawa mereka dipaksa memeluk Islam. Manakala pendapat keenam pula menjelaskan bahawa ayat ini diturunkan bagi tawanan yang berasal dari golongan *ahli kitab* yang sudah tua. Ini adalah kerana tawanan yang berasal dari golongan Majusi dan penyembah berhala ini, semuanya dipaksa memeluk Islam sama ada terdiri dari golongan tua ataupun muda.<sup>60</sup>

Justeru itu, dapatlah disimpulkan daripada keenam-enam pendapat ini, apa yang dapat dijelaskan seperti yang dinukilkan dalam tafsir *Ibn Kathir* iaitu tidak ada orang yang dipaksa untuk memeluk agama Islam kerana telah jelas dan tegas tanda dan bukti kebenaran Islam sehingga tidak perlu lagi memaksa seseorang untuk memeluk Islam. Orang yang diberi hidayah oleh Allah untuk menerima Islam akan lapang dadanya dan dicerahkan pandangannya sehingga ia memeluk Islam dengan alasan yang pasti. Namun orang yang hatinya dibutakan oleh Allah dan ditutupi hati serta pandangannya, tidak ada manfaatnya memaksa mereka untuk memeluk Islam.<sup>61</sup> Oleh itu, Islam menganjurkan dakwah dengan penuh hikmah, kerana iman hanya subur dalam diri seseorang sekiranya dia dalam keadaan rela, boleh menerima hujah dan bukti-bukti kebenaran tersebut.<sup>62</sup>

---

<sup>60</sup> Al-Qurtubī, Abī ‘Abdullah Muhammad Ahmad Al-Ansāri, *Al-jāmi’ li ahkām al-Qur’ān*, (Beirut: Dar Al-Kutub Al-‘Ilmiyyah, 1993), Jil. 2, Vol. 3-4, 182-183.

<sup>61</sup> Ibn Kathir, Abī Al-Fida’ ‘Ismail, *Tafsir Ibn Kathir* (Kaherah: Maktabah Zahrah, t.t) Jil. 1, 311.

<sup>62</sup> Wahbah Zuhaily, *Tafsir al-Munīr*, (Beirut: Dar al-Fikr al-Mu’ashir, 1991), 21.

Peruntukan yang menyebut mengenai kebebasan beragama turut digubal oleh Rasulullah *s.a.w.* seperti yang tertulis di dalam Piagam Madinah menerusi fasal 25 yang menyatakan:

*Bahawa kaum Yahudi dari Bani Auf adalah satu ummah bersama orang-orang mukmin, mereka bebas dengan agama mereka sendiri (Yahudi) dan orang Islam dengan agama mereka (Islam), begitu juga orang-orang yang sekutu mereka dan begitu juga diri mereka sendiri, melainkan sesiapa yang zalim dan berbuat dosa maka hal itu tidak akan menimpa melainkan dirinya dan keluarganya sendiri*

Peruntukan ini membawa maksud walaupun Madinah telah menjadi sebuah negara Islam, namun orang-orang Yahudi yang ingin terus kekal di dalam agama mereka tidak akan dipaksa untuk memeluk agama Islam. Kabilah-kabilah Yahudi yang disebut di dalam piagam ini bukanlah di dalam bentuk kabilah-kabilah dalam erti yang sebenarnya, tetapi daripada golongan yang berlainan yang tinggal sebagai orang-orang yang mendapat pertolongan daripada berbagai kabilah di Madinah.<sup>63</sup>

Walaupun kebebasan beragama diberikan, hak ini hanyalah diberikan kepada rakyat yang bukan beragama Islam sahaja. Bagi orang Islam, mereka sama sekali tidak dibenarkan keluar dari agama Islam. Majoriti ilmuwan Islam menyatakan bahawa kebebasan beragama adalah tidak mutlak dan seseorang Islam itu dilarang keras dari keluar agamanya demi untuk menjaga integriti agama Islam. Mereka turut beranggapan bahawa kemaslahatan umum hendaklah diutamakan daripada kemaslahatan individu. Justeru itu, kebebasan beragama yang diberikan pada setiap individu tertakluk kepada syarat selagi mana ia tidak melanggar undang-undang Tuhan atau mengambil hak

---

<sup>63</sup> Muhammad Hamidullah, *The First Constitution in the World: An Important Document of the Time Holy Prophet*, (Lahore: Ashraf, 1978), 32.

orang lain. Sekatan-sekatan hanya boleh dikenakan ke atas mereka yang cuba merosakkan masyarakat umum demi mempertahankan kemaslahatan umum.<sup>64</sup>

Kebebasan beragama boleh dibahagikan kepada tiga aspek iaitu kebebasan untuk menganuti, kebebasan untuk mengamalkan dan kebebasan untuk menyebarkan.<sup>65</sup> Kebebasan untuk menganuti sesuatu agama ini adalah diberikan kepada mereka yang sejak azali dilahirkan dalam keadaan bukan Islam untuk menganuti agama yang mereka percayai. Manakala bagi penganut Islam ia adalah dengan cara menganuti kepercayaan yang terdapat dalam agama Islam seperti firman Allah:

قُلْ يَا أَهْلَ الْكِتَابِ تَعَالَوْا إِلَى كَلِمَةٍ سَوَاءٍ بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ أَلَّا نَعْبُدَ إِلَّا اللَّهَ  
وَلَا نُشْرِكَ بِهِ شَيْئًا وَلَا يَتَّخِذَ بَعْضُنَا بَعْضًا أَرْبَابًا مِّن دُونِ اللَّهِ فَإِن تَوَلَّوْا  
فَقُولُوا اشْهَدُوا بِأَنَّا مُسْلِمُونَ

*Katakanlah (wahai Muhammad): Wahai Ahli Kitab, marilah kepada satu Kalimah yang bersamaan antara kami dengan kamu, iaitu kita semua tidak menyembah melainkan Allah dan kita tidak sekutukan denganNya sesuatu jua pun dan jangan pula sebahagian dari kita mengambil akan sebahagian yang lain untuk dijadikan orang-orang yang dipuja dan didewa-dewakan selain dari Allah. Kemudian jika mereka (Ahli Kitab itu) barपालing (enggan menerimanya) maka katakanlah kepada mereka: Saksikanlah kamu bahawa sesungguhnya kami adalah orang-orang Islam.*

*Surah Ali-Imran(3): 64<sup>66</sup>*

---

<sup>64</sup> Muhammad Umar Chapra, "Objectives of the Islamic Economic Order" dalam *Islam: Its Meaning and Message*, disunting oleh Khurshid Ahmad ed. (Leicester: The Islamic Foundation, 1988), 188-189.

<sup>65</sup> Dr. ABM. Mahbubul Islam, *Freedom of Religion in Shari'ah: A Comparative Analysis*, (Kuala Lumpur: Percetakan Zafar Sdn. Bhd., 2002), 106.

<sup>66</sup> *Al-Qur'an: Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an*, (Kuala Lumpur: Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri Malaysia, 1994), 110.



Kebebasan untuk mengamalkan agama pula adalah dengan cara melaksanakan upacara keagamaan dan rukun-rukun yang ditetapkan dalam agama.<sup>67</sup> Golongan bukan Islam adalah tidak disekat untuk melaksanakan tanggungjawab agama mereka. Ketika pemerintahan khalifah ‘Umar Al-Khaṭab di Palestin, beliau tidak menghalang golongan bukan Islam untuk mengamalkan kepercayaan mereka. Ini adalah seperti yang termaktub di dalam Perjanjian Jerusalem di mana khalifah ‘Umar memberikan perjanjian untuk tidak memusnahkan gereja dan tempat ibadah mereka malahan tidak akan dipaksa untuk meninggalkan agama mereka.<sup>68</sup> Menurut perspektif Islam, mengamalkan sesuatu yang diperintahkan oleh agama dianggap sebagai ibadah seperti firman Allah:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

*Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.*

*Surah Az-Zariyat (51): 56<sup>69</sup>*

Aspek yang ketiga adalah mengenai kebebasan untuk menyebarkan agama ke jalan Allah dengan menggunakan segala keupayaan yang dimiliki seperti yang terdapat dalam Al-Qur’ān:

ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَادِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ  
أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

*Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan*

<sup>67</sup> Webster’s New Twentieth Century Dictionary of the English Language, Unabridged: Based Upon the Broad Foundations Laid Down by Noah Webster, (Simon and Schuster: 1983), 1413.

<sup>68</sup> Al-Ṭabarī, Abū Ja’afar Muhammad Ibn Jarīr, *Tarīkh al-Rusūl wa al-Mulūk*, vol. 3, (Mesir: Dar al Ma’rif, 1977), 435.

<sup>69</sup> *Al-Qur’ān: Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur’ān*, (Kuala Lumpur: Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri Malaysia, 1994), 1158.

*itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayat petunjuk.*

*Surah An-Nahl (16): 125<sup>70</sup>*

Walaubagaimanapun, sekiranya dilihat dalam konteks negara Malaysia perkara yang menyentuh mengenai kebebasan menyebarkan agama adalah tertakluk di bawah aturan undang-undang Perlembagaan Persekutuan.

### **2.2.2 Perspektif Undang-Undang Malaysia**

Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan konsep kebebasan asasi seperti yang tertulis di dalam Perlembagaan Persekutuan menerusi perkara 5 hingga perkara 13. Salah satu daripada perkara yang berkaitan dengan kebebasan asasi yang diperuntukkan, adalah mengenai kebebasan beragama berdasarkan kepada perkara 11 Perlembagaan Persekutuan. Beberapa klausa dalam perkara 11 akan dikemukakan dalam perbincangan ini iaitu perkara 11(1), 11(4) dan 11(5):

*(1)Tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan tertakluk kepada Fasal (4), mengembangkan agamanya.*

*(2) ...*

*(3) ...*

*(4)undang-undang Negeri dan di Wilayah-Wilayah Persekutuan Labuan, Kuala Lumpur dan Putrajaya, undang-undang Persekutuan boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa iktikad atau kepercayaan agama antara penganut agama Islam.*

---

<sup>70</sup> *Al-Qur'an: Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an*, (Kuala Lumpur: Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri Malaysia, 1994), 543.

*(5) Perkara ini tidaklah membenarkan apa-apa perbuatan yang berlawanan dengan undang-undang am mengenai ketenteraman awam, kesihatan awam atau akhlak.*

Berdasarkan kepada perkara 11(1), Perlembagaan Persekutuan memberikan kebebasan kepada setiap individu untuk menganuti dan mengamalkan agamanya. Konteks sebenar peruntukan ini perlulah dibaca bersama dengan perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan iaitu undang-undang Persekutuan dan undang-undang Negeri boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama lain dikalangan orang yang menganuti agama Islam.

Peruntukan yang dimuatkan dalam perkara 11(4) ini adalah melihat kepada perkara 3(1) yang memperuntukkan bahawa Islam ialah agama bagi Persekutuan. Ekoran daripada itu, perkara 74(2) memberikan peruntukan yang eksklusif kepada beberapa perkara yang berkaitan dengan agama Islam untuk digubal oleh Kerajaan Kerajaan Negeri berpandukan kepada Senarai II, Jadual Kesembilan.

Walaupun hak kebebasan beragama dijamin, ia tidak dihuraikan dengan jelas oleh Perlembagaan. Sekiranya dilihat dalam aspek-aspek kebebasan asasi yang lain seperti kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan, peruntukannya adalah tidak mutlak kerana ia tertakluk kepada beberapa perkara seperti ketenteraman awam, kesihatan awam dan akhlak seperti yang dimuatkan dalam perkara 10(2)(a)(b)(c)<sup>71</sup>

---

<sup>71</sup> 10. Kebebasan Bercakap, berhimpun dan menubuh persatuan

“(2) Parlimen boleh dengan undang-undang mengenakan-

(a) ke atas hak-hak yang diberi oleh perenggan (a) Fasal (I), apa-apa sekatan yang didapatinya perlu atau mustahak demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, perhubungan persahabatan dengan negeri-negeri lain, ketenteraman awam atau akhlak dan sekatan-

Perlembagan Persekutuan. Oleh yang demikian, kebebasan beragama di Malaysia juga tidak boleh bercanggah dengan kepentingan awam seperti yang termaktub dalam perkara 11(5).<sup>72</sup>

Pemahaman terhadap peruntukan ini boleh dijelaskan berdasarkan kepada Kes *Lina Joy v Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Kerajaan Malaysia dan Ketua Pengarah Pendaftaran Negara*.<sup>73</sup> Perayu telah dilahirkan sebagai seorang Muslim. Oleh kerana berhasrat untuk mengahwini seorang lelaki Kristian, perayu membuat permohonan kepada Jabatan Pendaftaran Negara pada 21 Februari 1997 untuk menukarkan namanya daripada Azlina binti Jailani kepada Lina Lelani di dalam Kad Pengenalan atas alasan bahawa beliau telah menganuti agama Kristian. Permohonan ini tidak diluluskan oleh Responden Ketiga, iaitu Ketua Pengarah Pendaftaran Negara pada 11 Ogos 1997.

Pada 15 Mac 1999 perayu memohon kali kedua untuk menukarkan namanya tetapi kali ini daripada Azlina binti Jailani kepada Lina Joy. Di dalam akuan statutorinya, perayu sekali lagi menyatakan bahawa beliau mahu namanya itu ditukar kerana beliau telah menganut agama Kristian. Pada 2 Ogos 1999, Perayu bertindak atas

---

sekatan yang dimaksudkan untuk melindungi keistimewaan-keistimewaan Parlimen atau mana-mana Dewan Negeri atau untuk mengelakkan penghinaan terhadap mahkamah, fitnah, atau perbuatan mengapi-mengapi supaya dilakukan sesuatu kesalahan;

- (b) ke atas hak yang diberi oleh perenggan (b) Fasal (I), apa-apa sekatan yang didapatinya perlu atau mustahak demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya atau ketenteraman awam;
- (c) ke atas hak yang diberi oleh perenggan (c) Fasal (I), apa-apa sekatan yang didapatinya perlu atau mustahak demi kepentingan keselamatan, Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, ketenteraman awam atau akhlak”.

<sup>72</sup> Abdul Aziz Bari, *Islam Dalam Perlembagaan Malaysia*, (Selangor: Intel Media and Publication, 2005), 117.

<sup>73</sup> *Lina Joy v Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan lain-lain* [2004] 2 *MLJ* 119, [2004] 6 *CLJ* 242.

nasihat seorang pegawai Jabatan Pendaftaran Negara untuk membarui permohonan pada 15 Mac 1999 dengan membuat suatu lagi akuan statutori atas alasan sengaja memilih nama itu dan bukannya kerana beliau menukar agama.

Pada 22 Oktober 1999, Jabatan Pendaftaran Negara telah meluluskan permohonan perayu untuk menukar namanya daripada Azlina Binti Jailani kepada Lina Joy dan perayu diminta untuk memohon Kad Pengenalan barunya. Pada 25 Oktober 1999, ketika perayu memohon Kad Pengenalan barunya, perayu menyatakan tidak mengetahui tentang Kaedah-Kaedah Pendaftaran Negara 1990 telah pun dipinda dengan menyatakan bahawa Kad Pengenalan seseorang perlu ditulis agamanya bagi orang Islam yang berkuatkuasa pada 1 Oktober 1999. Walaubagaimanapun, di dalam borang permohonan perayu menyatakan bahawa agamanya ialah Kristian.

Pada bulan November 1999, perayu telah diberi Kad Pengenalannya yang baru tetapi Jabatan Pendaftaran Negara telah memasukkan perkataan “Islam” di bahagian depan KPnya dan namanya yang terdahulu di belakang kad itu. Pada 3 Januari 2000, perayu memohon kepada Jabatan Pendaftaran Negara untuk perkataan “Islam” dipadamkan (*deleted*). Permohonan ini ditolak dan perayu dimaklumkan bahawa permohonannya itu tidak sempurna tanpa suatu perintah daripada Mahkamah Syariah yang menyatakan bahawa beliau telah keluar dari Agama Islam.

Perayu kemudiannya telah membuat permohonan di Mahkamah Tinggi untuk mendapatkan beberapa deklarası terhadap Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan

dan Kerajaan Malaysia. Deklarasi-deklarasi yang dipohon itu adalah berasaskan pencabulan hak asasnya terhadap kebebasan beragama seperti yang dijamin oleh Perkara 11 (1) Perlembagaan Persekutuan.

Yang Arif Hakim Dato' Faiza Thamby Chik memutuskan untuk menolak permohonan beliau atas beberapa alasan. Pertama, takrifan Melayu di dalam Perlembagaan Persekutuan menerusi perkara 160(2) yang menyatakan bahawa Melayu itu ialah yang beragama Islam dan perayu kekal di dalam Islam hinggalah hari kematiannya dan perayu tidak boleh keluar daripada Islam. Kedua, perkara 11(1) memperuntukkan kebebasan untuk menganuti dan mengamalkan agama dan bukannya kebebasan untuk memilih agama. Ketiga, Mahkamah Syariah adalah mahkamah yang layak untuk menentukan tentang persoalan keluar daripada Islam.

Selain dari itu, Tun Dato' Sri Ahmad Fairuz, semasa mengulas dalam kes yang sama di Mahkamah Persekutuan, memutuskan bahawa perkara 11(1) tidak wajar dihujahkan sebagai peruntukan yang memberi hak kebebasan yang tiada berbatas dan mestilah tertakluk kepada prinsip dan amalan yang ditentukan oleh sesebuah agama.<sup>74</sup> Ini adalah kerana, perkara ini perlulah mendahului undang-undang yang ditetapkan.

Antara kes lain yang juga berbangkit secara langsung mengenai isu kebebasan beragama ialah kes *Jamaludin bin Othman*<sup>75</sup>. Di dalam kes ini, *Jamaludin* telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (*ISA*) dalam Operasi Lalang pada bulan

---

<sup>74</sup> [2007] 3 *CLJ* 557.

<sup>75</sup> *Menteri Hal Ehwal Di Dalam Negeri v Jamaludin bin Othman* [1989] 1 *MLJ* 418.

Oktober 1987 kerana menyebarkan agama Kristian kepada orang Islam. Mahkamah Tinggi mengarahkan dia dibebaskan atas alasan seseorang itu tidak boleh ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (*ISA*) atas kepercayaan agamanya dan kerana menyebarkan agamanya kepada Muslim. Menteri Dalam Negeri membuat rayuan kepada Mahkamah Agung tetapi tidak berjaya. Hakim Mahkamah Agung Yang Arif Hashim Yeop Sani berkata:

*We do not think that mere participation in meetings and seminars can make a person (a) threat to the security of the country. As regards the alleged conversion of six Malays, even if it was true, it cannot in my opinion by itself be regarded as a threat to the security of the country.*

*The guarantee provided by Article 11 of the Constitution, that is, the freedom to profess and practise one's religion, must be given effect unless the actions of a person go well beyond what can normally be regarded as professing and practising one's religion.*

Professor Abdul Aziz Bari megulas bahawa apa yang mengecewakan dengan keputusan ini ialah sikap mahkamah. Meskipun hakim mengakui bahawa hak kebebasan beragama ini tidak mutlak dan tertakluk kepada undang-undang, tetapi Mahkamah memutuskan bahawa kalau benar sekalipun dakwaan pemuda Melayu itu terlibat dalam usaha-usaha menyebarkan ajaran Kristian, ia tidak bertentangan dengan ketenteraman awam<sup>76</sup>.

Namun dari sisi yang lain, Pawancheek Marican mengulas bahawa mahkamah mengarahkan tertuduh dibebaskan kerana pihak berkuasa secara salah menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (*ISA*) untuk menahan *Jamaludin*. Sekiranya

---

<sup>76</sup> Abdul Aziz Bari, "Hak Asasi Dalam Perlembagaan Malaysia: Ruang Lingkup dan Masalahnya", *Jurnal Syariah*, jil. 10 (2002): 63.

Jamaludin dituduh melakukan kesalahan di negeri yang mempunyai Enakmen Agama Bukan Islam (Kawalan Pengembangan di Kalangan Orang Islam) seperti yang terdapat di negeri Selangor iaitu Enakmen Kawalan Dan Sekatan (Pengembangan Agama Bukan Islam) Selangor 1988 (Enakmen No 1/1988), pihak Polis boleh menuduhnya melakukan kesalahan di bawah undang-undang tersebut.<sup>77</sup> Pawancheek juga berpandangan bahawa dalam kes *Jamaludin* ini, Mahkamah Agong telah meletakkan batasan dalam memahami konsep kebebasan beragama seperti yang diperuntukkan dalam perkara 11 dengan mengengahkan pandangan mahkamah:

*However to get our perspective right we feel obliged to add a rider to what the learned judge said, His Lordship's ruling must be subject to the following rider:*

*The freedom to profess and practise one's religion should not be turned into a licence to commit unlawful acts or acts tending to prejudice or threaten the security of the country...The freedom to profess and practise one's religion is itself subject to the general laws of the country as expressly provided in clause (5) of Article 11 of the Constitution.*

Ini bermaksud kebebasan untuk menganuti dan mengamalkan sesebuah agama bukanlah sebagai satu kebenaran untuk melakukan perbuatan yang bertentangan dengan undang-undang, tindakan prejudis ataupun mengancam keselamatan negara. Yang jelas kebebasan beragama di Malaysia mestilah berdasarkan kepada undang-undang yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan.

---

<sup>77</sup> Pawancheek Marican, <http://www.onmalaysianlaw.com/2010/10/sekatan-penyebaran-agama-bukan-islam-di/.html>. 8 Januari 2010.



### 2.2.3 Perspektif Undang-Undang Antarabangsa

Dalam membincangkan perkara yang menyentuh mengenai kebebasan beragama di Malaysia, tinjauan terhadap Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat 1948 juga perlu untuk dibincangkan. Ini kerana Malaysia termasuk di dalam Negara Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, walaupun secara teknikalnya pengisytiharan ini tidak mengikat negara-negara anggota.<sup>78</sup> Menerusi perkara 18 menyatakan bahawa:

*'setiap orang adalah berhak kepada kebebasan berfikir, perasaan hati dan ugama; hak ini termasuklah kebebasan menukar ugama atau kepercayaannya, dan kebebasan, samada secara bersendirian atau secara bersama-sama dengan orang-orang lain dan secara terbuka atau bersendirian, menganuti ugama atau kepercayaannya melalui pengajaran, amalan, pemujaan dan pematuhan'.*

Dalam memahami konteks kebebasan beragama di Malaysia, pengisytiharan ini dilihat tidak selaras dengan Perlembagaan Persekutuan Malaysia.<sup>79</sup> Seksyen 4(4) Akta Suhakam 1999 menjelaskan hanya peruntukan yang tidak bertentangan dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan dalam Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat boleh diterima dan diamalkan di Malaysia.<sup>80</sup>

Peruntukan antarabangsa lain yang dilihat selaras dengan Malaysia ini dapat dilihat dalam Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Kaheerah 1990 melalui Pertubuhan

---

<sup>78</sup> Abdul Aziz Bari, "Hak Asasi Dalam Perlembagaan Malaysia: Ruang Lingkup dan Masalahnya", *Jurnal Syariah*, jil. 10 (2002): 118.

<sup>79</sup> Abdul Monir Yaacob, "Inconsistencies Between Human Rights and Sovereignty of a Nation: Contrast between the United Nations Declaration on Human Rights and the Cairo Declaration", *Malaysian Journal on Human Rights*, no. 2, (2007): 81.

<sup>80</sup> Seksyen 4(4): Bagi maksud Akta ini, perhatian hendaklah diberikan kepada Perisytiharan Sejagat Hak Asasi Manusia 1948 setakat yang perisytiharan itu tidak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan.

Persidangan Islam. Pengisytiharan tersebut dibuat sebagai acuan bagi negara anggota dalam rangka pelaksanaan perlindungan terhadap hak asasi manusia yang berdasarkan hukum Islam.<sup>81</sup> Perkara 10 Pengisytiharan Kaherah menyatakan bahawa:

*'Islam adalah agama yang murni ciptaan Allah S.W.T. Islam melarang melakukan paksaan dalam bentuk apapun atau untuk mengeksploitasi kemiskinan atau ketidaktahuan seseorang untuk mengubah agamanya atau menjadi Atheis'.*

Hasrat dan keinginan Pengisytiharan Hak Asasi Manusia di Kaherah 1990 ini adalah agar kebebasan asasi yang diperuntukkan selaras dengan syariat Islam. Jika dilihat mengenai peruntukan kebebasan beragama yang dimuatkan adalah jelas berlandaskan syarak dengan tidak sewenang-wenangnya membenarkan penganut Islam untuk memilih agama selain Islam dan selaras dengan firman Allah di dalam al-Quran yang bermaksud:

وَمَنْ يَرْتَدِدْ مِنْكُمْ عَنْ دِينِهِ فَيَمُتْ وَهُوَ كَافِرٌ فَأُولَئِكَ حَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ  
فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَأُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ

*...dan sesiapa di antara kamu yang murtad (berpaling tadah) dari agamanya (agama Islam), lalu ia mati sedang iia tetap kafir, maka orang-orang yang demikian, rosak binasalah amal usahanya (yang baik) di dunia dan di akhirat, dan mereka itulah ahli Neraka, kekal mereka di dalamnya (selama-lamanya).*

*Surah Al-Baqarah (2): 217<sup>82</sup>*

Jika dinilai dengan teliti tentang kebebasan beragama, terdapat juga persamaan antara Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejangat 1948 dan Pengisytiharan Hak Asasi

<sup>81</sup> <http://senandihukum.wordpress.com/2009/03/13/hak-kebebasan-beragama-antara-universal-declaration-of-human-rights-1984-dengan-cairo-declaration-1990/>. 13 Mac 2009.

<sup>82</sup> *Al-Qur'ān: Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'ān*, (Kuala Lumpur: Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri Malaysia, 1994), 67.

Manusia Kaherah 1990 yang mana kedua-dua pengisytiharan ini memperaturkan mengenai hak kebebasan beragama yang mengakui bahawa hak kebebasan beragama merupakan salah satu hak yang paling asas dan dengan tegas melarang pemaksaan seseorang untuk menyakini sebuah agama atau kepercayaan tertentu.

Cuma yang membezakannya adalah kerangka asas disebalik peruntukan yang digubal. Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat 1948 melalui perkara 18 menggunakan nilai-nilai kemanusiaan universal yang diadaptasi dari prinsip persamaan dan tiada diskriminasi manakala perkara 10 Pengisytiharan Hak Asasi Manusia di Kaherah 1990 menggunakan dasar hukum Islam dalam pengaturannya<sup>83</sup> yang mempunyai perkaitan antara perkara 3(1), perkara 11 dan perkara 160(2) Perlembagaan Persekutuan yang menunjukkan bahawa persoalan hak kebebasan beragama di Malaysia berkait rapat dengan struktur dan kerangka perlembagaan secara keseluruhannya.<sup>84</sup>

### **2.3. PEMBUBARAN PERKAHWINAN**

Perbincangan lanjut kajian ini akan diteruskan untuk mendapatkan jawapan mengenai persoalan bidang kuasa antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah dalam hal ehwal kekeluargaan yang khusus berkaitan dengan pembubaran perkahwinan bagi kes pemeluk Islam oleh salah seorang pasangan perkahwinan sivil di Malaysia.

---

<sup>83</sup> <http://senandihukum.wordpress.com/2009/03/13/hak-kebebasan-beragama-antara-universal-declaration-of-human-rights-1984-dengan-cairo-declaration-1990/>. 13 Mac 2009.

<sup>84</sup> Abdul Aziz Bari, *Islam Dalam Perlembagaan Malaysia*, (Selangor: Intel Media and Publication, 2005), 125.

Natijah daripada kupasan ini adalah untuk menjawab dua objektif utama dalam kajian ini. Pertama untuk mengenal pasti *lacuna* dalam undang-undang kekeluargaan Sivil dan Syariah dalam kes pemelukan Islam oleh salah seorang pasangan perkahwinan sivil. Manakala yang kedua ialah untuk mengkaji mahkamah manakah yang mempunyai bidang kuasa atau juga disebut sebagai mahkamah yang kompeten untuk membicarakan seterusnya memutuskan mengenai status perkahwinan bagi kes pemelukan Islam oleh salah seorang pasangan perkahwinan sivil.

Panduan awal berkaitan dengan status perkahwinan bagi kes pemelukan Islam oleh salah seorang pasangan perkahwinan bukan Islam telah disebut di dalam al-Quran. Islam jelas sekali menyatakan bahawa perkahwinan tersebut terbuang sebagaimana firman Allah yang bermaksud:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا جَاءَكُمُ الْمُؤْمِنَاتُ مِهَاجِرَاتٍ فَامْتَحِنُوهُنَّ اللَّهُ  
أَعْلَمُ بِإِيمَانِهِنَّ فَإِنْ عَلِمْتُمُوهُنَّ مُؤْمِنَاتٍ فَلَا تَرْجِعُوهُنَّ إِلَى الْكُفَّارِ لَا هُنَّ  
حِلٌّ لَهُمْ وَلَا هُمْ يَحِلُّونَ لَهُنَّ وَآثُوهُم مَّا أَنْفَقُوا وَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ أَنْ  
تَنْكِحُوهُنَّ إِذَا آتَيْتُمُوهُنَّ أَجُورَهُنَّ وَلَا تُمْسِكُوا بِعِصَمِ الْكَوَافِرِ وَأَسْأَلُوا مَا  
أَنْفَقْتُمْ وَلَيْسَ أَلَا مَا أَنْفَقُوا ذَلِكُمْ حُكْمُ اللَّهِ يَحْكُمُ بَيْنَكُمْ وَاللَّهُ عَلِيمٌ  
حَكِيمٌ

*Wahai orang-orang yang beriman! apabila orang-orang perempuan yang mengaku beriman datang berhijrah kepada kamu, maka ujilah (iman) mereka; Allah lebih mengetahui akan iman mereka; dengan yang demikian sekiranya kamu mengetahui bahawa mereka beriman, maka janganlah kamu mengembalikan mereka kepada orang-orang yang kafir. Mereka tidak halal bagi orang-orang kafir itu (sebagai isteri), dan orang-orang kafir itu pula tidak halal bagi mereka (sebagai suami). Dan berilah kepada suami-suami (yang kafir) itu apa yang mereka telah belanjakan. Dan tidaklah menjadi salah kamu berkahwin dengan mereka (perempuan-perempuan yang berhijrah itu) apabila kamu memberi kepada mereka*

*maskahwinnya. Dan janganlah kamu (wahai orang-orang Islam) tetap berpegang pada 'aqad perkahwinan kamu dengan perempuan-perempuan yang (keka dalam keadaan) kafir, dan mintalah balik maskahwin yang telah kamu berikan, dan biarkanlah mereka (suami-suami yang kafir itu) meminta balik apa yang telah mereka belanjakan. Demikianlah hukum Allah; ia hukumkan diantara kamu (dengan adil). Dan (ingatlah), Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.*

*Surah Al-Mumtahanah (60): 10<sup>85</sup>*

Berdasarkan kepada *fiqh* Islam, 'ulamā' membezakan antara pembubaran perkahwinan yang berlaku diantara sebelum dan selepas persetubuhan suami isteri tersebut. Mazhab *Syafii* dan Mazhab *Hanbali* menyatakan bahawa sekiranya salah seorang yang memeluk Islam sebelum berlakunya persetubuhan maka secara automatiknya terbubarlah perkahwinan tersebut. Sekiranya pemeluk Islam berlaku selepas persetubuhan maka mengikut Mazhab *Syafii* dan *Hanbali* pembubaran akan berlaku setelah tamatnya tempoh 'iddah. Mazhab *Hanafi* berbeza pandangan dengan menyatakan bahawa pembubaran itu akan berlaku setelah tamat tempoh 'iddah sekiranya berada di negara yang bukan Islam dan Mazhab *Maliki* menambah bahawa tempoh tersebut adalah untuk memberikan ruang pihak yang satu lagi untuk memeluk Islam.<sup>86</sup>

Persoalan yang perlu dibincangkan ialah apakah kedudukan undang-undang semasa di Malaysia dalam memutuskan status perkahwinan bagi kes salah seorang pasangan perkahwinan sivil memeluk Islam. Ini adalah berkaitan dengan mahkamah

---

<sup>85</sup> *Al-Qur'ān: Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'ān*, (Kuala Lumpur: Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri Malaysia, 1994), 1235.

<sup>86</sup> Abdul Karim Zaydan, *Al-Mufassāl fī Ahkām al-Marād wa al-Bayt al-Muslim fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*, vol. 9, (Beirut: Muassasah Al-Risālah,t.t), 96-97.

manakah yang mempunyai bidang kuasa untuk mengesahkan status perkahwinan tersebut. Konflik yang berterusan terjadi apabila kedua-dua mahkamah menyatakan bahawa mereka mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan kes berkenaan.

### **2.3.1 Bidang kuasa Mahkamah Sivil**

Hal ehwal perkahwinan orang bukan Islam adalah tertakluk kepada Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (Akta 164). Seksyen 3(3) Akta 164 menyatakan bahawa ia tidak terpakai kepada orang Islam tetapi ia tidak boleh menghalang Mahkamah Sivil untuk mendengar permohonan yang dibuat di bawah seksyen 51 Akta yang sama. Peruntukan seksyen 51 adalah berbunyi:

*(1) Jika satu pihak kepada sesuatu perkahwinan telah masuk Islam, pihak yang satu lagi itu yang tidak masuk Islam boleh mempetisyen untuk perceraian:*

*Dengan syarat bahawa tiada satu petisyen di bawah seksyen ini boleh diserahkan sebelum tamat tempoh tiga bulan dari tarikh masuk Islam itu.*

*(2) Mahkamah boleh apabila membubarkan perkahwinan itu, membuat peruntukan untuk isteri atau suami dan untuk nafkah, pemeliharaan dan penjagaan anak-anak daripada perkahwinan itu, jika ada dan boleh mengenakan apa-apa syarat ke atas dekri pembubaran itu sebagaimana yang difikirkan patut.*

*(3) Seksyen 50 tidak boleh dipakai bagi sesuatu petisyen untuk perceraian di bawah seksyen ini.*

Merujuk kepada kes *Eeswari Visuvalingam v Kerajaan Malaysia*,<sup>87</sup> ia melibatkan pasangan suami isteri yang berkahwin mengikut agama Hindu pada 15 November 1950. Suami kepada perayu yang bernama Visuvalingam A/L Ponniah telah memeluk Islam pada 16 Julai 1978 dengan menggunakan nama Islamnya Abdul Hamid Bin Abdullah.

Beliau merupakan seorang penerima pencen yang tertakluk di bawah Akta Pencen 1980. Beliau meninggal dunia pada 7 Januari 1985 dan dua bulan selepas itu, perayu memohon daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk mendapatkan hak terhadap pencen peninggalan arwah suaminya berdasarkan seksyen 15 Akta Pencen 1980. Namun JKM menolak permohonannya dan perayu menfailkan tuntutan di Mahkamah Tinggi yang juga ditolak yang akhirnya dibawa ke Mahkamah Persekutuan.

Rayuan tersebut dibenarkan kerana mahkamah mendapati bahawa perayu masih lagi isteri yang sah mengikut undang-undang Sivil di Malaysia. Selain daripada itu tidak ada dokumen yang menyatakan mereka berdua berpisah walaupun si suami telah memeluk Islam. Walaupun di dalam alasan penghakimannya Hakim Hashim Yeop Sani menyatakan bahawa persoalan yang timbul bukanlah melibatkan hak si perayu terhadap harta peninggalan si mati tetapi hanya berkaitan dengan hak perayu untuk mendapatkan pencen terbitan seperti dalam seksyen 15 Akta Pencen 1980, maka mahkamah mempunyai bidang kuasa untuk mendengarnya.

---

<sup>87</sup> [1990] 1 *MLJ* 86.

Ini adalah kerana sesuatu perkahwinan orang bukan Islam adalah dianggap berterusan sehinggalah ia dibubarkan oleh Mahkamah Tinggi Sivil seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 4(3) Akta 164 atau seksyen 8 Akta yang sama iaitu:

- (a) Melalui kematian salah satu pihak kepada perkahwinan tersebut;
- (b) Melalui suatu perintah mahkamah yang berbidang kuasa kompeten; atau
- (c) Melalui suatu dikri yang dibuat oleh mahkamah yang berbidang kuasa kompeten di mana perkahwinan tersebut adalah batal.

Dalam Kes *Douglas A. Pedley v Majlis Ugama Islam Pulau Pinang dan Lain-lain*<sup>88</sup>, plaintif memohon kepada Mahkamah Tinggi Sivil Pulau Pinang untuk mengekalkan perkahwinannya bersama dengan isterinya yang bernama Olwen Patricia Pedley nee Newman yang telah memeluk Islam dengan gelaran Mahani Newman Bt. Abdullah pada 12 Januari 1987. Fakta kes ini ialah plaintif telah berkahwin dengan isterinya pada 12 Februari 1966 dan mereka mengamalkan ajaran agama Roman Katolik.

Berikutnya pada 12 Januari 1987, isterinya telah memeluk Islam di Jabatan Hal Ehwal Agama, Lebuhr Downing, Pulau Pinang tanpa pengetahuan plaintif. Pada 10 April 1987, Kadi Besar Pulau Pinang, Haji Fathil bin Haji Abdullah telah mengutuskan surat kepadanya untuk memaklumkan pemeluk Islam isterinya dan menasihatkan beliau untuk turut memeluk Islam dalam tempoh 90 hari. Sekiranya beliau gagal melakukan demikian hubungan suami isteri antara mereka dianggap terputus mengikut undang-undang Islam.

---

<sup>88</sup> [1990] 2 *MLJ* 307.



Semasa perbicaraan, Hakim Wan Adnan menyatakan bahawa pernyataan yang dikeluarkan oleh Kadi Besar tidak akan memberi kesan ke atas diri plaintif dari sudut undang-undang sivil kerana berdasarkan kepada seksyen 51(1) Akta 164 memperuntukkan bahawa perkahwinan bukan Islam tidak akan dibubarkan jika salah seorang pasangan memeluk Islam, melainkan pasangan yang tidak memeluk Islam mengemukakan permohonan untuk bercerai. Walaupun begitu hakim menolak permohonan plaintif untuk mengekalkan perkahwinannya kerana mendapati tidak ada sebarang manfaat di atas permohonan tersebut.

Dalam kes *Ng Siew Pian v Abdul Wahid bin Abu Hassan dan lain-lain*,<sup>89</sup> plaintif dan defendan kedua dalam kes ini merupakan penganut agama Buddha dan berkahwin di bawah Ordinan Perkahwinan Sivil 1952. Kemudian suaminya iaitu defendan kedua memeluk Islam dan memohon kepada Qadi di Mahkamah Syariah untuk membubarkan perkahwinan atas alasan isterinya tidak mahu memeluk Islam. Defendan pertama iaitu Qadi memberikan notis kepada plaintif untuk hadir ke Mahkamah Syariah dan dengan ketidakhadiran plaintif di mahkamah, Qadi membubarkan perkahwinan kerana isterinya tidak mengikut suaminya memeluk Islam. Mahkamah Tinggi pula memutuskan bahawa Mahkamah Syariah tidak ada bidang kuasa untuk membuat perintah pembubaran perkahwinan kerana salah satu pihak adalah bukan Islam.

Kes berikutnya adalah mengenai *Subashini Rajasingam v Saravanan Thangathoray*,<sup>90</sup> yang mana pihak-pihak yang terlibat telah berkahwin melalui upacara perkahwinan sivil dan telah mendaftarkan perkahwinan pada 26 Julai 2001 di bawah

---

<sup>89</sup> [1993] 1 *CLJ* 391.

<sup>90</sup> [2008] 2 *CLJ* 1.

Akta 1976. Sewaktu berkahwin pada 9 Mac 2002 kedua-duanya adalah beragama Hindu. Di penghujung tahun 2005, perkahwinan mereka telah mengalami keruntuhan. Melalui perkahwinan tersebut, mereka dikurniakan dua orang anak lelaki, iaitu Dharvin Joshua yang dilahirkan pada 11 Mei 2003 dan Sharvind pada 16 Jun 2006. Pada 18 Mei 2006, suami memeluk agama Islam dengan gelaran Muhammad Shafi bin Abdullah dan sekaligus mengislamkan juga anak sulung mereka dengan gelaran Muhd Shazrul bin Muhammad Shafi.

Berikutnya, pihak isteri telah menerima notis daripada Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah memberitahu beliau bahawa suaminya telah memulakan prosiding pembubaran perkahwinan dan penjagaan anak sulung mereka di Mahkamah Tinggi Syariah. Pada 4 Ogos 2006, iaitu dua bulan dan 18 hari selepas pengislaman suami, isteri telah memfail petisyen di Mahkamah Tinggi bagi membubarkan perkahwinan di bawah seksyen 51 Akta 164 bersama-sama dengan permohonan untuk penjagaan anak dan relif-relif sampingan lain.

Persoalan yang menjadi pertimbangan Mahkamah Persekutuan ataupun yang dikatakan oleh pihak-pihak sebagai menjadi intipati rayuan, adalah persoalan mengenai bidang kuasa mahkamah. Mahkamah manakah yang mempunyai bidang kuasa eksklusif dalam situasi di mana satu pihak kepada satu perkahwinan yang diupacarakan di bawah Akta 164 memeluk Islam dan membuat perintah-perintah lain berkaitan pembahagian aset perkahwinan, penafkahan isteri dan anak, penjagaan dan pemeliharaan anak dan semua hal perkara lain yang terbit darinya.

Berdasarkan kes ini, Mahkamah Tinggi mempunyai bidang kuasa untuk memutuskan perkara yang menjadi intipati rayuan berdasarkan kepada seksyen 51 Akta 1976. Walaubagaimanapun pihak suami dalam kes ini berhak untuk menfailkan prosiding pembubaran perkahwinan di Mahkamah Syariah berdasarkan seksyen 46(2) Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984 (Akta 303).

Ini disebabkan kerana suami adalah orang yang beragama Islam dan tertakluk kepada undang-undang diri dan agama Islam. Namun, perintah pembubaran perkahwinan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah adalah tidak mengikat isteri kerana beliau bukanlah seorang yang beragama Islam yang tidak termasuk di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah berdasarkan kepada seksyen 4 Akta 303.

Oleh itu, perkahwinan antara suami dan isteri itu masih kekal di bawah undang-undang sivil sehinggalah dibubarkan perkahwinan itu berdasarkan kepada seksyen 51(1) Akta 164. Tetapi dalam kes ini, petisyen yang dilakukan oleh isteri adalah pramasa dan tidak sah kerana tidak mematuhi aturan seksyen 51 yang menyatakan bahawa petisyen pembubaran perkahwinan hendaklah difailkan selepas tempoh tiga bulan, dan bukan sebelum itu.

Dalam kes *Yong Fuat Meng v Chin Yoon Kew*,<sup>91</sup> Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak membenarkan pasangan yang telah memeluk Islam untuk menfailkan pembubaran perkahwinan sivilnya di Mahkamah Sivil atas alasan keadilan itu perlu

---

<sup>91</sup> [2008] 5 CLJ 705.

diutamakan. Plaintiff telah memeluk Islam kira-kira dua puluh tahun selepas melangsungkan perkahwinan dengan isterinya di bawah undang-undang Sivil. Isu yang dibicarakan di hadapan hakim ialah berkenaan dengan bidang kuasa Mahkamah Sivil untuk mendengar kes ini sama ada selari dengan seksyen 51 Akta 164.

Yang Arif Hakim Hamid Sultan Abu Backer dalam kes ini telah membezakan diantara orang Islam dengan sebab kelahiran (*born Muslim*) dan orang Islam yang bukan dengan sebab kelahiran (*not a born Muslim*). Yang Arif merumuskan bahawa seseorang menjadi Islam bukan dengan sebab kelahiran, boleh didengar permohonannya di Mahkamah Sivil kerana perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan tidaklah menafikan secara khusus bidang kuasa Mahkamah Sivil kerana melihat kepada asal perkahwinannya adalah di bawah undang-undang Sivil.

### **2.3.2 Bidang kuasa Mahkamah Syariah**

Pandangan Mahkamah Syariah mengenai bidang kuasanya terhadap isu ini juga perlu untuk dibincangkan. Secara umumnya, berdasarkan kepada undang-undang keluarga Islam terdapat peruntukan yang menyatakan bahawa Mahkamah Syariah boleh mengesahkan pembubaran perkahwinan salah seorang pasangan dalam perkahwinan sivil yang telah memeluk Islam. Ia dinyatakan menerusi peruntukan seksyen 46(2) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303) iaitu:

*(2) Jika salah satu pihak kepada sesuatu perkahwinan bukan Islam memeluk agama Islam, maka perbuatan yang demikian tidak boleh dengan sendirinya berkuat kuasa membubarkan*

*perkahwinan itu melainkan dan sehingga disahkan sedemikian oleh Mahkamah.*

Dalam kes *Mastura Saeswathy Binti Abdullah*<sup>92</sup> yang telah diputuskan di Mahkamah Tinggi Syariah Seremban, Yang Arif Hakim membuat beberapa penghakiman yang perlu untuk ditelusuri. Mastura Saeswathy binti Abdullah @ Saeswathy a/p Subramaniam telah memohon ke mahkamah untuk membubarkan perkahwinan dengan suaminya mengikut seksyen 46(2) Enakmen Undang-Undang keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003. Plaintiff seorang yang beragama Hindu sejak lahir, tetapi telah memeluk agama Islam pada 23 Januari 2009, manakala suami plaintiff Karisnan a/l Appoo masih kekal dalam agama Hindu.

Menyentuh mengenai bidang kuasa dalam kes ini, Yang Arif Hakim menegaskan bahawa Mahkamah Syariah sebagai satu-satunya institusi yang berhak memutuskan perkara demikian kerana sebaik sahaja plaintiff memeluk Islam, tiada lagi tempat untuk beliau menyelesaikan masalah rumahtangganya kerana kehadirannya sebagai seorang Islam bermula pada 23hb Januari 2009 menyebabkan plaintiff telah tersisih dan tidak lagi diiktiraf mengikut undang-undang diri asal plaintiff sebelum plaintiff memeluk Islam, iaitu di bawah seksyen 51 Akta 164.

Ini bermakna, jika pihak yang bukan Islam tidak membuat petisyen perceraian, perkahwinan itu masih dianggap wujud walau pun kedua-dua pihak berlainan agama. Dalam hal ini, peruntukan seksyen 51 Akta 164 tersebut secara sendirinya memberi hak

---

<sup>92</sup> Kes Mal Nombor: 05100-013-0623-2009.

kepada pihak yang telah memeluk Islam dan menjadikan mahkamah ini sebagai satu-satunya ruang untuk plaintif menyelesaikan kemelut rumahtangganya. Walaupun penyelesaian di Mahkamah Syariah bukanlah satu penyelesaian mutlak bagi masalah ini, tetapi sekurang-kurangnya hak plaintif untuk mendapatkan perceraian dan merungkaikan sebahagian belunggu masalahnya boleh dilakukan.

Semasa memutuskan persoalan sama ada perkahwinan antara plaintif dan suaminya masih berterusan atau tidak akibat daripada pemelukan Islam oleh plaintif, mahkamah perlu meneliti dan mengesahkan status agama suami plaintif sama ada beliau masih terus kekal dengan agama Hindu atau sebaliknya. Jika Karisnan masih terus kekal dengan agama Hindu dan enggan memeluk Islam, maka perkahwinan antara plaintif dan isterinya akan terputus dan mahkamah boleh membubarkan perkahwinan plaintif dan suaminya, berdasarkan seksyen 46(2) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003.

Bagi menjelaskan keadaan ini, suami plaintif telah hadir ke mahkamah dan diminta memberi keterangan. Menurut Karisnan, beliau mengakui beliau dan plaintif telah berkahwin mengikut adat dan agama Hindu pada 30 Mei 1995 dan perkahwinan itu telah didaftarkan mengikut kehendak Akta Membaharui Undang-Undang 1976. Pendaftaran tersebut dibuat di hadapan Tuan Haji Razali Mat Akip pada hari yang sama.

Menurut Karisnan, hubungan beliau dengan plaintif kurang baik dan mereka telah tidak tinggal bersama sejak setahun yang lalu. Beliau maklum atau tahu mengenai

pemelukan Islam oleh plaintif setelah diberitahu oleh plaintif beberapa bulan yang lepas. Walaupun begitu, beliau tidak bersetuju dengan plaintif untuk turut memeluk Islam. Keengganan tersebut sekali lagi diluahkan oleh Karisnan di hadapan mahkamah, apabila beliau tidak bersetuju untuk memeluk agama Islam walaupun mahkamah ada memintanya berbuat demikian.

Sewaktu menjawab soalan mahkamah, Karisnan sekali lagi menyatakan keengganannya untuk memeluk Islam, namun begitu beliau tidak membantah permohonan yang dibuat oleh plaintif. Saksi juga mengakui dan faham bahawa perkahwinannya dengan plaintif akan berterusan jika beliau turut memeluk Islam. Bagaimanapun, beliau kekal dengan pendiriannya untuk tidak memeluk Islam dan ingin memohon perceraian.

Mahkamah mengambil kesempatan dengan kehadiran plaintif dan suaminya ke mahkamah dan pasangan ini telah diberi penerangan ringkas. Keadaan ini adalah sejajar dengan kehendak keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan melalui *Fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam kali ke 11* pada 16 Mac 1976 yang menyebut:

- a. Nikah pasangan suami isteri yang bukan beragama Islam akan terputus jika salah seorang daripadanya memeluk agama Islam tetapi jika yang seorang lagi memeluk agama Islam juga dalam masa iddah itu maka kekal nikah mereka.*
- b. Dalam keadaan di mana salah seorang daripada pasangan suami isteri yang bukan beragama Islam memeluk agama Islam maka hendaklah diberi penerangan kepada mereka mengenai terpisahnya yang akan berlaku (tertalak) jika seorang lagi tidak memeluk agama Islam dan hendaklah dinasihat dan dipujuk yang seorang lagi itu dengan hikmah supaya ia memeluk agama Islam juga.*

Antara lain, Yang Arif Hakim merujuk kepada sebahagian ayat 10 surah *al*

*Mumtahanah* yang bermaksud:

*“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila orang-orang perempuan yang mengaku beriman datang berhijrah kepada kamu, maka ujilah (iman) mereka; Allah lebih mengetahui akan iman mereka; dengan yang demikian, sekiranya kamu mengetahui bahawa mereka beriman, maka janganlah kamu mengembalikan mereka kepada orang-orang kafir. Mereka tidak halal bagi orang-orang kafir itu (sebagai isteri), dan orang-orang kafir itu pula tidak halal bagi mereka (sebagai suami)....”*

Dalam mentafsirkan ayat tersebut, YA Hakim memetik kata-kata Professor Dr. Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (HAMKA) di dalam kitabnya *Tafsir al-Azhar* yang menjelaskan:

*“Menurut Mazhab Imam Abu Hanifah dan Sufyan bin Uyaynah yang disebut juga sebagai mazhab orang Kufah; kalau yang perempuan lebih dahulu masuk Islam, dianjurkan kepada suaminya supaya masuk Islam pula, kalau si suami tidak mau, difaraklah (dipisahkan) diantara keduanya”*

Autoriti yang menjelaskan bahawa Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa untuk membubarkan perkahwinan sivil bagi salah seorang pasangan yang memeluk Islam adalah dapat dilihat dalam penghakiman kes *Nur Adryana Qistina Binti Abdullah @ Audrey Christina Samuel*.<sup>93</sup> Plaintiff dan suaminya telah berkahwin pada 21 Jun 2001 mengikut agama Kristian di Gereja Katholik Holy Redeemer di bawah Akta 164 dengan memperolehi dua orang anak. Plaintiff tanpa paksaan mana-mana pihak dan dengan

---

<sup>93</sup> [2008] 25 *JH* (1) 157.



kerelaan diri telah memeluk agama Islam di Pusat Dakwah Islamiah, Paroi Negeri Sembilan bersama-sama dengan kedua-dua anak plaintif pada 13 April 2007.

Plaintif telah mengemukakan satu permohonan di Mahkamah Tinggi Syariah Seremban pada 4 Mei 2007 supaya mahkamah ini membuat pengesahan pembubaran perkahwinan antara plaintif dengan suaminya S.Gopal A/L Subramaniam yang diakibatkan oleh pemeluk Islam oleh plaintif pada 13 April 2007 dan suaminya telah tidak memeluk Islam bersama-sama.

Yang Arif Hakim Tuan Mohd. Nadzri bin Haji Abdul Rahman, menyatakan bahawa Mahkamah Tinggi Syariah mempunyai bidang kuasa untuk memutuskan permohonan plaintif berdasarkan kepada peruntukan undang-undang seksyen 46(2) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 yang menyatakan:

*(2) Jika salah satu pihak kepada perkahwinan bukan Islam memeluk agama Islam, maka perbuatan yang demikian tidak boleh dengan sendirinya berkuat kuasa untuk membubarkan perkahwinan itu melainkan jika dan sehingga disahkan sedemikian oleh Mahkamah.*

Yang Arif Hakim menyatakan mahkamah yang dimaksudkan ialah Mahkamah Syariah seperti mana yang dijelaskan di dalam tafsiran seksyen 2 Enakmen yang sama iaitu:

*“Mahkamah Syariah” atau “Mahkamah” ertinya Mahkamah Rendah Syariah atau Mahkamah Tinggi Syariah, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang ditubuhkan di bawah subseksyen 55(1) atau 55(2) Enakmen Pentadbiran;*

Kuasa Mahkamah Syariah ini pula, telah diberikan secara eksklusif oleh Perlembagaan Persekutuan melalui Perkara 121(1A) yang memperuntukkan:

*(1A) Mahkamah-mahkamah yang disebutkan dalam fasal (1) tidaklah boleh mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah.*

Perkara ini dikuatkan lagi dengan nas-nas Syarak yang membenarkan seseorang hakim menjalankan dan memutuskan hukuman dengan adil dan mengarahkan segala jenis amanah kepada mereka yang berhak menerimanya. Firman Allah yang bermaksud:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ

*Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil...*

*An-Nisa (4): 58<sup>94</sup>*

Yang Arif Hakim menyatakan bahawa ayat ini memberi ruang kepada mahkamah ini sebagai satu-satunya institusi yang berhak memutuskan perkara demikian. Ini kerana sebaik sahaja plaintif memeluk Islam, tiada lagi tempat untuk menyelesaikan masalah rumahtangganya. Apabila telah bergelar seorang Islam pada 13 April 2007, plaintif telah tersisih dan tidak lagi diiktiraf mengikut undang-undang diri asal plaintif sebelum memeluk Islam, berdasarkan seksyen 51 Akta 164.

---

<sup>94</sup> *Al-Qur'ān: Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'ān*, (Kuala Lumpur: Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri Malaysia, 1994), 162.

Walaupun penyelesaian di Mahkamah Syariah bukanlah satu penyelesaian mutlak bagi masalah ini, tetapi sekurang-kurangnya hak plaintif untuk mendapatkan perceraian dan membuang sebahagian belunggu masalahnya dapat dirungkaikan. Perkahwinan sivil di antara plaintif dan suaminya adalah terbubar dan Yang Arif Hakim juga merujuk kepada kes *Siti Aisyah Janthip Aisam*<sup>95</sup> yang telah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu.

#### **2.4. PENUTUP**

Perbincangan yang telah dikemukakan dalam bab ini telah menemukan dua kesimpulan awal bagi kajian ini. Pertama, penilaian dari sudut kebebasan beragama di Malaysia di mana secara kesimpulannya, persoalan mengenai kebebasan beragama di Malaysia adalah tidak bersifat mutlak. Ini adalah kerana ia terikat dengan peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan dan sejajar dengan prinsip kebebasan beragama yang digariskan oleh undang-undang Islam.

Berikutnya, persoalan yang menyentuh tentang *lacuna* undang-undang Kekeluargaan Sivil dan Syariah di Malaysia serta konflik bidang kuasa yang timbul antara dua mahkamah tersebut. Seksyen 51 Akta 164 memuatkan peruntukan yang memberi kebenaran kepada pasangan yang kekal dalam agama asal untuk mempetisyen perceraian di Mahkamah Sivil. Berikutnya perkahwinan sivil ini hanya boleh terbubar sekiranya Mahkamah Sivil membubarkannya seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 4(3) dan seksyen 8 Akta 164.

---

<sup>95</sup> [2006] 21 *JH* (II) 262.

Melalui peruntukan seksyen 46(2) Akta 303 pula menjelaskan bahawa Mahkamah Syariah juga mempunyai bidang kuasa untuk membubarkan perkahwinan dimana salah seorang pihak memeluk Islam. Namun, daripada keputusan penghakiman Mahkamah Syariah yang dibincangkan di atas, jelas bahawa Yang Arif hakim mengetahui akan impak keputusan yang dikeluarkan yang tidak akan mengikat pasangan yang bukan Islam. Sekiranya pasangan yang bukan Islam tidak mempetisyen perceraian di Mahkamah Sivil, maka perkahwinan sivil tersebut akan terus berlangsung walaupun Mahkamah Syariah membuat penghakiman dengan membubarkan perkahwinan sivil tersebut.

Perbincangan di atas membawa kepada rumusan bahawa konflik bidang kuasa antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah masih lagi belum selesai setakat kajian ini dilaksanakan. Rentetan daripada isu yang tergantung ini adalah dicadangkan supaya pindaan segera terhadap kedua-dua peruntukan ini dibentangkan di Parlimen. Cadangan berkaitan dengan draf pindaan peruntukan seksyen 51 Akta 164 dan seksyen 46 Akta 303 akan dikemukakan dalam bab terakhir kajian ini.